



AMRAN Ahmed (kanan) menyampaikan hadiah kepada Prof. Madya Khin Maung Ohn yang memenangi pertandingan fotografi pada sambutan Hari Integriti UMS 2011 sambil diperhatikan Abdullah Mohd. Said di Kota Kinabalu, semalam.

UM 21312011 page 26

Budaya integriti agenda utama UMS

KOTA KINABALU 1 Mac – Budaya integriti akan dijadikan sebagai agenda utama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam usaha meningkatkan kecemerlangan universiti itu ke tahap tertinggi.

Sehubungan itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon meminta semua warga UMS termasuk penuntut dan kakitangan agar menjadikan integriti sebagai amalan seharian.

“Integriti ini wajar menjadi amalan dan ‘pakaian’ kita secara peribadi serta perlu diamalkan oleh setiap individu dan organisasi.

“Kita sentiasa memberi penekanan kepada integriti dan untuk itu, saya akan menjadikan tarikh 1 Mac setiap tahun sebagai sambutan Hari Integriti UMS,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Hari Integriti UMS 2011 di Dewan Resital UMS di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Amran Ahmed.

Hadir sama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Sutinah Sutan; Pengarah SPRM negeri, Jalil Jaafar; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Kasim Mansur dan

Pendaftar UMS, Abdullah Mohd. Said.

Menurut Kamaruzaman, pembudayaan integriti di kalangan warga UMS akan memberi impak yang signifikan kepada kecemerlangan universiti itu.

“Antara lain, akan terhasilah keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian kita dan seterusnya meningkatkan produktiviti organisasi kita.

“Di kalangan mahasiswa pula pihak pengurusan universiti turut menekankan kepentingan integriti sebagai salah satu perisian utama dalam pembangunan mahasiswa yang holistik,” katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pihak universiti akan melaksanakan pelbagai program bagi membudayakan integriti di kalangan mahasiswa.

“Selain menguatkuaskan perundangan se- dia ada seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti, Perlembagaan Universiti hingga kepada peraturan asrama atau kolej kedi- aman, pelbagai aktiviti yang dapat mene- rapkan elemen integriti di kalangan maha- siswa turut digalakkan.

“Antara aktiviti tersebut adalah seperti per- tandingan debat integriti dan penubuhan Se- kretariat Pencegahan Rasuah UMS,” ujarnya.